



PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD

Registration No. 197201000959 (12557-W)

A Member of The Pacific & Orient Group A Member of PIDM

11th Floor, Wisma Bumi Raya, No. 10, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

P. O. Box 10953, 50730 Kuala Lumpur.

Website: www.poi2u.com

Telephone: 03-2698 5033 Fax: 03-2693 8145 Toll Free: 1 800 88 2121

SST Registration No: W10-1808-31021805

BORANG PENAMAAN INSURANS

POLISI NO.	
NAMA PENCADANG / PEMEGANG POLISI / ORANG YANG DIINSURANSKAN	

PANDUAN MENGISI BORANG

- Borang ini hendaklah diisi oleh pencadang/pemegang polisi/orang yang diinsuranskan bagi tujuan penamaan individu untuk menerima wang polisi yang dibayar apabila beliau meninggal dunia di bawah polisi Kemalangan Diri yang diambil dengan Pacific & Orient Insurance Co. Berhad ("P&O").
- Borang Penamaan ini TIDAK TERPAKAI bagi situasi di mana perlindungan kemasalahan diri dilampirkan pada insurans kenderaan atau sebaliknya, di mana dalam keadaan tuntutan, wang polisi akan dibayar kepada syarikat sewa beli atau penyewaan, atau majikan orang yang diinsuranskan. Penamaan bagi insurans sebegini dilampirkan bersama Borang Permohonan atau Borang Cadangan masing-masing.
- Sila lengkapkan borang ini sepenuhnya dan dengan HURUF BESAR tanpa menggunakan cecair pemadam atau pemadam bagi sebarang pindaan atau perubahan.
- Sebarang pindaan atau perubahan terhadap penamaan hanya boleh dibuat dengan melengkapkan dan menyerahkan Borang Penamaan yang baharu kepada P&O setelah penamaan tersebut didaftarkan dalam Polisi.
- Sekiranya terdapat lebih daripada 5 penama untuk dinamakan, pencadang/pemegang polisi/orang yang diinsuranskan hendaklah melampirkan salinan tambahan Borang ini sebagaimana perlu untuk merangkumi semua penama.
- Sila serahkan SALINAN ASAL BORANG yang telah lengkap diisi kepada P&O.

NOTA PENTING – SILA BACA SEBELUM MENGISI BORANG

- Bagi pencadang/pemegang polisi/orang yang diinsuranskan bukan beragama Islam, penamaan akan menjadi amanah kepada penama jika (i) penama ialah pasangan atau anak; atau (ii) penama ialah ibu atau bapa (jika tiada pasangan atau anak yang masih hidup semasa penamaan dibuat).
- Penama selain daripada pasangan, anak atau ibu bapa pemegang polisi/orang yang diinsuranskan (jika tiada pasangan atau anak yang masih hidup semasa penamaan dibuat) adalah wasi. Wang polisi yang diterima hendaklah diagihkan mengikut wasiat atau undang-undang pembahagian pusaka yang berkenaan.
- Jika pemegang polisi/orang yang diinsuranskan berhasrat agar penama (selain pasangan, anak atau ibu bapa) menerima manfaat polisi sebagai benefisiari dan bukan sebagai wasi, maka manfaat polisi hendaklah dipindahkan (assigned) kepada penama tersebut.
- Bagi pemegang polisi/orang yang diinsuranskan beragama Islam, penama wajib mengagihkan wang polisi yang diterima mengikut undang-undang Islam.
- Penamaan mesti disaksikan oleh saksi berumur 18 tahun ke atas, waras dan bukan penama yang dinamakan.
- Penamaan dalam Polisi akan terus berkuat kuasa sehingga tamat tempoh atau pembaharuan, kecuali jika pemegang polisi/orang yang diinsuranskan membuat permohonan untuk menukar penamaan tersebut.
- Bagi butiran lanjut tentang kuasa membuat penamaan, rujuk Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

Sila pastikan Borang Penamaan ini dilengkapkan sepenuhnya, ditandatangani, disaksikan dan dihantar semula kepada P&O. Jika tidak, penamaan mungkin terbatal dan bayaran wang polisi akan tertanggung.

Saya, Pencadang/Pemegang Polisi/Orang yang Diinsuranskan yang dinyatakan di atas, menamakan individu-individu berikut sebagai penama untuk menerima wang polisi yang akan dibayar selepas kematian saya di bawah Polisi ini serta pembaharuannya (jika ada). Saya juga mengesahkan bahawa penama-penama tersebut telah memberi kebenaran kepada saya untuk mendedahkan maklumat peribadi mereka bagi tujuan Borang Penamaan ini.

Nama	No Kad Pengenalan/Sijil Kelahiran	Tarikh Lahir	Hubungan	Alamat	Peratus Bahagian (%)

**Pencadang / Pemegang Polisi /
Orang yang Diinsuranskan**

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama: _____

No Kad Pengenalan/
No Pasport.: _____

Alamat: _____

Nombor Telefon.: _____

Saksi:

Saya mengesahkan bahawa Borang ini telah ditandatangani oleh
pencadang / pemegang polisi / orang yang diinsuranskan di hadapan saya.
Saya juga mengesahkan bahawa saya bukan penama yang dinyatakan.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama: _____

No Kad Pengenalan/
No Pasport.: _____

Alamat: _____

Nombor Telefon.: _____